

Strategi Penggunaan Kamus Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Pusat Matrikulasi, Universiti Islam Selangor

(Strategies On the Usage of Arabic Dictionary Among Students of The Matriculation Center, Universiti Islam Selangor)

Hakimi Abd Halim^{1*}, Harun Baharudin²

¹ Universiti Islam Selangor, Malaysia

² Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia

*Pengarang Koresponden: hakimi@uis.edu.my , harunbaharudin@ukm.edu.my

Received: 15 July 2024 | Accepted: 1 December 2024 | Published: 1 March 2025

DOI: <https://doi.org/10.55057/ajress.2025.7.2.33>

Abstrak: Penggunaan kamus yang berkesan dalam pembelajaran Bahasa Arab dapat meningkatkan kemahiran berbahasa terutamanya dalam memperolehi dan memahami makna perkataan. Ramai pelajar bahasa kedua tidak memanfaatkan kamus sepenuhnya kerana kurangnya pendedahan tentang cara penggunaan kamus dengan berkesan. Kamus hanya difahami untuk kegunaan terjemahan perkataan sahaja. Pada hal kamus merupakan sebuah medium yang memberikan manfaat yang banyak dalam menguasai bahasa asing. Kajian ini bertujuan untuk melihat strategi penggunaan kamus yang sering digunakan dalam kalangan pelajar. Seramai 163 pelajar asasi Pusat Matrikulasi Universiti Islam Selangor yang mengambil kursus Asasi Pengajian Islam dan Asasi Bahasa Arab dipilih sebagai sampel kajian. Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan menggunakan set soal selidik yang telah diadaptasi dari dua inventori iaitu S.I.D.U Strategy Inventory for Dictionary Use dan S.I.E.D.U Strategy Inventory for Electronic Dictionary Use. Hasil kajian mendapati strategi penggunaan kamus berada pada tahap sederhana (min = 3.60; sp= 0.52). Strategi pemilihan kamus merupakan strategi utama (min=3.97; sp= 0.67) yang kerap digunakan oleh pelajar. Namun pelajar mencatatkan skor terendah (min=3.24; sp= .75) bagi strategi lemmatization dimana strategi ini amat penting dalam penguasaan Bahasa Arab. Dapatan ini juga menunjukkan bahawa pelajar perlu diberi latihan kemahiran penggunaan kamus yang berkesan terutamanya dalam mempelajari Bahasa Arab sebagai bahasa asing.

Kata Kunci: Bahasa Kedua, Bahasa Asing, Strategi Penggunaan Kamus, Bahasa Arab, Pra-Universiti

Abstract: The effective use of dictionaries in learning Arabic can improve language skills, especially in acquiring and understanding the meaning of words. Many second language learners do not make full use of dictionaries due to lack of exposure to how to use dictionaries effectively. The dictionary is only understood for word translation purposes only. In the case of a dictionary, it is a medium that provides many benefits in mastering a foreign language. This study aims to see the dictionary use strategies that are often used among students. A total of 163 Universiti Islam Selangor Matriculation Center students who took Islamic Studies Foundation and Arabic Language Foundation courses were selected as the study sample. This study uses a survey method using a set of questionnaires that have been adapted from two inventories namely the S.I.D.U Strategy Inventory for Dictionary Use and the S.I.E.D.U Strategy Inventory for Electronic Dictionary Use. The results of the study found that the

dictionary use strategy was at a moderate level (mean = 3.60; sp= 0.52). Dictionary selection strategy is the main strategy (min=3.97; sp= 0.67) that is often used by students. However, students recorded the lowest score (min=3.24; sp= .75) for the lemmatization strategy where this strategy is very important in the mastery of Arabic. This finding also shows that students need to be given training in the use of dictionaries that are particularly effective in learning Arabic as a foreign language.

Keywords: Second Language, Foreign Language, Dictionary Usage Strategies, Arabic Language, Pre-University

1. Pengenalan

Kamus ialah alat pembelajaran bahasa yang berguna di mana ia menyediakan maklumat linguistik kepada penggunanya (Kent, 2011). Kamus bukan sekadar alat bilik darjah, tetapi boleh digunakan dalam pelbagai keadaan terutamanya bagi pembelajaran bahasa di luar bilik darjah. Penggunaan kamus dapat membantu pelajar dalam proses pembelajaran bahasa kerana ia merupakan sumber rujukan dan mengandungi senarai perkataan yang disusun mengikut abjad (Nor Hashimah, 2003). Ia memudahkan pelajar untuk mencari maksud perkataan yang dicari. Kamus perlu menjadi bahan utama dalam pengajaran dan pembelajaran. Kamus adalah bahan rujukan yang mengandungi perkataan, sebutan, makna dan penggunaan idiom (Kipfer, 1984). Oleh itu kamus bukan sahaja sumber rujukan bahkan sumber utama rujukan pembelajaran bahasa. Tarigan (1985) menyatakan kamus juga berfungsi untuk menambahkan pengetahuan pelajar mengenai penggunaan bahasa secara formal atau tidak formal yang boleh digunakan dalam perbualan atau selainnya.

Menurut Asmah, (1986) kamus berupaya untuk menyelesaikan masalah penggunaan bahasa berkaitan dengan ejaan, sintaksis, dan morfologi. Walau bagaimanapun, pelajar mungkin memilih untuk menggunakan pelbagai strategi lain apabila mereka menghadapi kesukaran dalam proses pembelajaran, seperti "meneka" atau "bertanya kepada guru" daripada menggunakan kamus. Ini mungkin disebabkan oleh kekurangan pendidikan tentang penggunaan kamus dengan betul (Chadjiapa, 2016). Oleh yang demikian, pelajar perlu diajar cara menggunakan kamus dengan berkesan, dan latihan harus dimulakan awal dalam kursus pembelajaran bahasa dan harus menjadi sebahagian daripada pembelajaran (Hurman & Tall 1998).

Kepelbagaian dalam perbendaharaan kata merupakan salah satu elemen yang amat penting dalam mempelajari bahasa asing terutamanya Bahasa Arab. Penggunaan bahasa meliputi aspek pertuturan, penulisan, pendengaran mahupun pembacaan memerlukan jumlah kosa kata yang mencukupi (Ghazali Yusri et al., 2013). Penguasaan bahasa seseorang pelajar amat bergantung kepada penguasaan jumlah kosa kata yang dimiliki dalam bahasa tersebut (Criado & Sanchez, 2009).

Penggunaan kamus memberi kesan terhadap pembelajaran kosa kata dan ia merupakan salah satu strategi pembelajaran kosa kata. Menurut Harun (2014) pembelajaran kosa kata yang berjaya dilihat daripada sejauh mana penguasaan pelajar terhadap saiz dan kefahaman yang mendalam terhadap kosa kata. Namun, Zunita (2020) mendapati bahawa saiz dan kedalaman kosa kata dalam kalangan pelajar tingkatan empat berada pada tahap yang lemah. Tahap yang lemah ini juga berlaku dalam kalangan pelajar peringkat pengajian tinggi (Hazwan, et al., 2018; Zaini & Abd Rahman, 2017). Uraidah et. al (2020) membuktikan bahawa tahap saiz kosa

bahasa Arab bagi pelajar pra universiti adalah sederhana rendah dan secara puratanya berada dalam lingkungan 1,316 daripada 4000 perkataan yang sepatutnya dikuasai oleh seseorang pelajar bahasa asing. Ia memerlukan strategi yang sesuai dan efektif bagi mencapai penguasaan kosa kata berdasarkan ciri-ciri bahasa tersebut

2. Sorotan Literatur

Tinjauan terhadap kajian lepas berkaitan dengan kamus memperlihatkan kamus bukan sahaja dianggap sebagai kitab yang mengandungi pelbagai kata dan makna di dalamnya tetapi juga merupakan gerbang untuk seseorang mengetahui segala maklumat secara sistematik, pantas dan tepat. Kajian Tomaszczyk (1987) berkaitan dengan kamus dwibahasa kepada individu asing mendapati ada di antara masyarakat yang beranggapan kamus dwibahasa tidak berguna kepada pembelajaran bahasa asing. Namun menurut Tomaszczyk kamus sebenarnya berperanan sebagai alat bantu mengajar yang dapat mengisi kelompangan dalam mempelajari bahasa asing. Beliau memecahkan kebaikan kamus dwibahasa kepada empat pecahan yang meliputi aspek kosa kata khusus dalam bidang budaya, gangguan bahasa ibunda atau bahasa asing, implikasi kontras antara bahasa dan keutamaan serta kelaziman penggunaan kamus kepada individu asing.

Penggunaan Kamus Sebagai Strategi Pembelajaran

Penggunaan kamus dianggap sebagai strategi kognitif (O'Malley & Chamot 1990; Oxford 1990). Menurut O'Malley dan Chamot (1990) strategi kognitif beroperasi secara langsung pada maklumat yang diterima serta mentafsirnya dan dapat memberikan impak baik dalam pembelajaran. Menurut Oxford (1990) kamus membolehkan pelajar memahami dan menghasilkan bahasa baharu dengan pelbagai cara yang berbeza. Selain itu, Cohen dan Weaver (2006) memberi sudut pandangan yang lebih praktikal dengan mengklasifikasikan strategi pembelajaran dengan kemahiran bahasa, yang merangkumi kemahiran penerimaan (*receptives*) seperti kemahiran mendengar dan membaca dan kemahiran produktif seperti bertutur dan menulis. Cohen et. al (2001) mengkategorikan penggunaan kamus adalah termasuk daripada strategi membaca, strategi menulis dan strategi pembelajaran kosa kata. Nation (2001) pula menyatakan bahawa penggunaan kamus mempengaruhi tiga proses pembelajaran asas iaitu penerimaan, produktif dan pembelajaran kosa kata.

Banyak kajian yang telah meneroka kesan penggunaan kamus terhadap pembelajaran kosa kata. Penggunaan kamus dikategorikan sebagai salah satu strategi pembelajaran kosa kata. Gu dan Johnson (1996) membahagikan strategi pembelajaran kosa kata kepada enam kategori, salah satunya ialah strategi kamus. Schmitt (1997) mengkategorikan penggunaan kamus sebagai strategi penentuan yang digunakan oleh pengguna untuk menemui makna perkataan baru tanpa meminta bantuan. Manakala Nation (2001) mengklasifikasikan penggunaan kamus dalam kategori umum iaitu strategi sumber mencari maklumat perkataan. Strategi penggunaan kamus ialah strategi pembelajaran kosa kata yang sering diguna pakai oleh pengguna kamus (Asgari & Mustapha, 2011) dan turut memudahkan proses pembelajaran perkataan baharu (Hulstijn et.al, 1996) seterusnya membantu pengguna mengekalkan perbendaharaan kata dalam ingatan jangka panjang mereka (Knight, 1994).

Strategi Penggunaan Kamus

Pendekatan baru bagi penggunaan kamus yang berkesan telah dicadangkan oleh Gavriilidou (2013), yang merujuk kepada Strategi Penggunaan Kamus/ *Dictionary Use Strategy* (DUS) dan bukannya kemahiran rujukan. Kajian beliau memberi tumpuan kepada keupayaan pengguna semasa menggunakan kamus secara langsung, dan mentakrifkan DUS sebagai teknik yang

digunakan oleh pengguna kamus yang berkesan untuk membuat carian yang berjaya dalam kamus. Gavriilidou (2013) membahagikan DUS kepada empat kategori:

- i. Strategi kesedaran kegunaan kamus, iaitu strategi yang membawa kepada keputusan untuk menggunakan kamus bagi tujuan menyelesaikan masalah yang dihadapi di dalam atau di luar kelas. Pelajar dinilai apakah tujuan menggunakan kamus dalam usaha menyelesaikan masalah pembelajaran bahasa.
- ii. Strategi pemilihan kamus, iaitu strategi pelajar memilih jenis kamus yang sesuai bergantung pada masalah yang akan diselesaikan dan menjamin membiasakan diri dengan kamus. Pelajar dinilai sejauh manakah mereka memilih berbagai bentuk dan jenis kamus seperti kamus online atau bercetak.
- iii. Strategi Lema/*Lemmatization*, iaitu strategi mencari bentuk perkataan yang terdapat dalam teks. Pelajar dinilai kekerapan mereka menggunakan indeks morfologi (kata dasar, awalan, akhiran dan imbuhan) bagi perkataan tidak diketahui yang telah ditemui dalam teks untuk membuat panduan awal tentang bentuk carian perkataan itu, atau perlu membiasakan dengan penjujukan abjad.
- iv. Strategi pencarian perkataan, strategi pelajar untuk mengawal dan memudahkan pencarian bahagian entri yang betul di mana makna berbeza dalam bentuk perkataan yang sama disertakan.

Penggunaan kamus yang berkesan dipengaruhi bukan sahaja dari strategi penggunaan kamus oleh pengguna tetapi juga daripada maklumat dalam kamus itu sendiri. Atkins dan Varantola (1998) menyatakan terdapat keperluan untuk menambah baik kamus dan melatih pengguna. Ini adalah kerana bentuk dan jenis kamus semakin bertambah baik dari hari ke hari, menjadi lebih tersusun dan lebih mesra pengguna Gavriilidou (2013). Tambahan pula kewujudan kamus atas talian yang memudahkan pengguna untuk melakukan pencarian.

3. Tujuan Dan Metod Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji strategi penggunaan kamus Bahasa Arab dalam kalangan pelajar Asasi Pusat Matrikulasi, Universiti Islam Selangor. Sampel kajian melibatkan seramai 163 orang pelajar yang mengikuti kursus Asasi Pengajian Islam dan Asasi Bahasa Arab. Asas utama pemilihan sampel dari dua bidang pengajian tersebut kerana mereka mempunyai asas Bahasa Arab khususnya yang telah mengambil subjek Bahasa Arab dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia. Kajian ini menggunakan instrumen yang telah diadaptasi dan diubah suai daripada kajian *Strategy Inventory for Dictionary Use SIDU* Gavriilidou (2013) dan kajian *Strategy Inventory for Electronic Dictionary Use (S.I.E.D.U)* Gavriilidou (2019). Instrumen dalam kajian ini menggunakan 4 (empat) strategi iaitu Strategi Kesedaran Penggunaan Kamus, Strategi Pemilihan Kamus, Strategi Lema/*Lemmatization* dan Strategi Pencarian Perkataan. Responden kajian dikehendaki menyatakan kekerapan penggunaan strategi tersebut berasaskan skala Likert (Skala 1 “Tidak Pernah”, 2 “Jarang”, 3 “Kadang-kadang”, 4 “Kerap” dan 5 “Setiap Masa”). Proses adaptasi instrumen dilakukan dengan merujuk kepada lima langkah yang disarankan oleh Beaton et al. (2000) iaitu a) terjemahan; b) sintesis terjemahan yang dilakukan; c) terjemahan semula; d) penilaian oleh panel pakar; dan e) pra-ujian. Proses ini perlu dijalankan kerana faktor budaya yang berbeza (Beaton et al. 2000; Cohen et al. 2018). Proses ubahsuai pula melibatkan proses memurnikan item soal selidik supaya ada relevan dalam konteks pembelajaran dan pengajaran pelajar di Malaysia. Proses tersebut telah dilakukan terhadap instrumen kajian ini untuk menguji kesahan muka dan kesahan kandungan. Proses kebolehppercayaan ujian pula diuji dengan menggunakan pekali Alfa Cronbach (α) bagi mendapatkan ukuran keseragaman item dalam indeks kebolehppercayaan dalaman (Othman et al. 2024) dengan nilai (α) yang diguna pakai adalah 0.6 dan ke atas (Majid 2005; Pallant 2007;

Creswell 2014). Nilai Alfa Cronbach yang telah diperolehi bagi setiap strategi ialah Strategi Kesedaran Penggunaan Kamus = 0.89 ; Strategi Pemilihan Kamus = 0.82 ; Strategi Lema/Lematization = 0.81; dan Strategi Pencarian Perkataan = 0.83).

4. Dapatan Kajian

Responden kajian terdiri daripada 163 orang pelajar yang majoritinya adalah dari Asasi Pengajian Islam seramai 131 (80.4 %) orang berbanding pelajar Asasi Bahasa Arab seramai 32 orang (19.6 %) di Pusat Matrikulasi, Universiti Islam Selangor. Jumlah pelajar perempuan ialah 94 orang (57.7 %) melebihi pelajar lelaki iaitu 69 orang (42.3 %). Prestasi akademik pelajar dalam penguasaan Bahasa Arab diperingkat SPM pula mencatatkan 54 orang (33.1 %) memperoleh kategori Gred A, 58 orang (35.6 %) dalam kategori Gred B, 43 orang (26.4 %) dalam kategori gred C dan 8 orang (4.9 %) dalam kategori Gred D kebawah.

Jadual 1.0 menunjukkan tahap min kekerapan strategi penggunaan kamus Bahasa Arab dalam kalangan pelajar. Hasil kajian mendapati strategi kekerapan penggunaan kamus Bahasa Arab secara keseluruhannya berada pada tahap sederhana (min = 3.60 ; sp = 0.52). Pemilihan Kamus merupakan strategi utama (min = 3.97; sp = 0.67) yang kerap digunakan oleh pelajar. Namun pelajar mencatatkan skor terendah (min=3.24; sp= 0.75) bagi Strategi Lemalemmatization.

Jadual 1: Strategi Penggunaan Kamus

Strategi	Min	Sisihan Piawai
Pemilihan Kamus	3.97	0.59
Pencarian Perkataan	3.79	0.74
Kesedaran Penggunaan Kamus	3.44	0.67
Lema/ Lemmatization	3.24	0.75
Strategi Keseluruhan	3.60	0.52

Skala: 1=Tidak Pernah , 2 = Jarang, 3 = Kadang-Kadang, 4 = Kerap, 5 = Setiap Masa

Strategi penggunaan kamus secara keseluruhannya adalah pada tahap sederhana (min = 3.60). Ini menggambarkan pelajar tidak memiliki kemahiran strategi penggunaan kamus yang tinggi seperti yang dibincangkan dalam kajian-kajian lepas (Cohen et. al (2001); Schmitt (1997). Walaupun tahap kekerapan yang sederhana namun dapatan ini juga menggambarkan bahawa pelajar masih tetap menjadikan kamus sebagai salah satu strategi dalam pembelajaran bahasa Arab. Dapatan ini menyokong penemuan dalam kajian lepas mengenai penggunaan kamus dalam pembelajaran kosa kata (Asgari & Mustapha, 2011) dan kamus dianggap sebagai strategi kognitif (O'Malley & Chamot 1990; Oxford 1990).

Strategi yang menunjukkan kekerapan yang tinggi adalah Strategi Pemilihan Kamus (min=3.97 ; sp = 0.59). Pelajar lebih kerap memilih kamus jenis *online* kerana kemudahan teknologi untuk mengakses perkataan. Oleh itu strategi kedua yang juga kerap digunakan oleh pelajar ialah Strategi Pencarian Perkataan (min = 3.79; sp = 0.74) iaitu pelajar cenderung melakukan aktiviti pencarian perkataan kerana kelebihan teknologi dalam kamus online.

Dapatan tersebut mungkin memberi gambaran bahawa pelajar dalam kajian ini kerap memilih kamus online dalam pencarian perkataan kerana aspek kemudahan teknologi kamus yang cepat, pantas dan mudah dalam pembelajaran bahasa Arab. Namun persoalannya ialah apakah itu sahaja yang diperolehi dalam penggunaan kamus. Dapatan seterusnya dalam kajian ini menunjukkan kurangnya pelajar menggunakan kamus untuk tujuan yang sebenar. Nilai min yang rendah dalam Strategi Kesedaran Penggunaan Kamus (min = 3.44; sp = 3.44)

menunjukkan kesadaran pelajar yang rendah tentang tujuan sebenarnya yang ditawarkan oleh sebuah kamus. Kemungkinan pelajar menjadikan kamus sekadar alat untuk terjemahan perkataan sahaja. Padahal kamus memberikan pelbagai tujuan seperti mencari kedalaman makna perkataan, penggunaan perkataan dalam konteks yang berbeza makna dan sebagainya. Kenyataan tersebut disokong oleh dapatan hasil kajian yang mempunyai nilai min terendah ialah Strategi Lema/Lemmatization ($\min = 3.24$; $sp = 0.75$). Ini menunjukkan pelajar kurang menggunakan Strategi Lema yang sebenarnya penting dalam mencari kedalaman kosa kata. Dapatan ini selaras dengan kajian Chadjipapa and Papadopoulou (2016) yang mendapati pelajar menghadapi kesukaran dalam strategi tersebut.

Justeru itu kajian akan datang perlu melihat perkaitan strategi penggunaan kamus khususnya Strategi Lemmatization dan Strategi Kesedaran Kegunaan Kamus dalam penguasaan Bahasa Arab. Kedalaman makna perkataan atau kosa kata kemungkinan mempunyai kaitan dengan kemahiran penggunaan kamus yang berfokus kepada Strategi *Lemmatization* dan Strategi Pencarian Perkataan. Penguasaan Bahasa Arab boleh juga diukur dengan instrumen kosa kata iaitu sejauh manakah prestasi pelajar menguasai kosa kata Arab dan hubungannya dengan strategi penggunaan kamus. Pemboleh ubah lain yang menarik untuk dikaji ialah melihat perkaitan strategi penggunaan kamus dengan prestasi akademik khususnya pencapaian gred Bahasa Arab dalam peperiksaan SPM. Implikasi dapatan kajian ini menunjukkan pelajar bahasa asing khususnya Bahasa Arab perlu didedahkan dengan strategi penggunaan kamus melalui latihan kemahiran.

5. Kesimpulan

Penggunaan kamus yang berkesan memerlukan penggunaan strategi yang bersesuaian dimana ia merupakan sebahagian daripada strategi pembelajaran bahasa. Dapatan kajian ini menunjukkan strategi penggunaan kamus yang sederhana ini tidak selari dengan status kamus sebagai sumber rujukan dan alat bantuan belajar yang berkesan terutamanya kepada pelajar yang mempelajari bahasa asing.

Justeru itu, strategi penggunaan kamus yang berkesan perlu didedahkan kepada pelajar. Guru-guru bahasa juga perlu diberikan latihan kemahiran kamus. Keperluan latihan kemahiran kamus untuk pelajar dan guru amatlah penting, apatah lagi dengan perkembangan teknologi kamus yang membuka ruang luas dalam meningkatkan penguasaan bahasa

Rujukan

- Abdul Rahim Mat Husin. 2003. Pengaruh Sikap Dan Motivasi Di Kalangan Pelajar-Pelajar Sekolah Menengah. Tesis Sarjana. Universiti Malaya.
- Asmah Haji Omar. 1986. Nahu Melayu Mutakhir (Edisi Baru). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka
- Awatif Abdul Rahman, Mohd. Shafie Zulkifli, Muhammad Hashimee, Ainon Wazir, Muafah Sayed & Naqibah Mansor. 2020. Tahap Penguasaan Ilmu Nahu Dalam Kalangan Guru Bahasa Arab. e-jurnal bahasa dan linguistik
- Chadjipapa, E., & Papadopoulou, E. (2016). Investigating Greek student's dictionary use strategies. Selected Papers of the 21st International Symposium on Theoretical and Applied Linguistics (ISTAL 21), (pp. 516-526). School of English, Aristotle University of Thessaloniki.

- Cohen, A. D., & Weaver, S. J. (2006). *Styles- and strategies-based instruction: A teacher's guide*. Center of Advanced Research on Language Acquisition, University of Minnesota.
- Criado, R. & Sanchez, A. (2009). Vocabulary in EFL Textbook: A Constructive Analysis against Three Corpus-Based Word Ranges. Dalam P. Cantos Gomez & A. Sanchez Perez (Ed). *A Survey of Corpus-Based Research*. Murcia: Association Espanola De Linguistica De Corpus.
- Ghazali Yusri, Nik Mohd Rahimi, Parilah M. Shah & Wan Haslina Wah. 2013. Cognitive and Metacognitive Learning Strategies Among Arabic Language Students. *Interactive Learning Environments*. 21(3): 290– 300
- Gavriilidou, Z. (2017). The effect of an intervention programme on improving electronic dictionary reference skills of students attending secondary schools in Greece. Oral presentation in Elex 2017
- Gavriilidou, Z., & Mavrommatidou, S. (2016). Construction of tool for the identification of electronic dictionary users skills. *Proceedings of the XVII Euralex International Congress, Lexicography and Linguistic Diversity*, (pp. 168-178). Tbilisi State University.
- Hazwan, M. (2018). *Mustawa Iktisab al-Mufradat al-Lughawiyyah lada Talabah al-Markaz al-Tamhidi bi Jami'ah al-'ulum al-Islamiyyah al-Maliziyyah* Universiti Sains Islam Malaysia.
- Hartmann, R. R. (1999). *Case Study: The Exeter University Survey of Dictionary Use. Dictionaries in Language Learning. Recommendations, National Reports and Thematic Reports from the ThematicNetwork Project*
- Harun Baharudin. (2014). *Strategi Pembelajaran Kosa Kata Bahasa Arab Pelajar Sekolah Menengah Agama di Malaysia*. Tesis PhD. Universiti Malaya.
- Hurman, J., & Tall, G. (1998). *The Use of Dictionaries in GCSE Modern Foreign Languages Written Examinations*. Birmingham: School of Education, University of Birmingham.
- Hulstijn, J. H., M. Hollander, and T. Greidanus. 1996. 'Incidental vocabulary learning by advanced foreign language students: The influence of marginal glosses, dictionary use, and reoccurrence of unknown words.' *Modern Language Journal*
- Kent, D. B. (2001). A Survey of Korean University Freshmen Dictionary Use and Perceptions. *Korea TESOL Journal*, 4(1), pp. 73-92
- Kipfer, Barbara Ann. 1984. *Workbook On Lexicography*. England: University Of Exter
- Knight, S. (1994). Dictionary use while reading: The effects on comprehension and vocabulary acquisition for students of different verbal abilities. *The Modern Language Journal*, 78(3), 285-299. <http://dx.doi.org/10.1111/j.1540-4781.1994.tb02043.x>
- Nathesan. S. 1990. *Kamus: Penggunaannya Diabaikan Dalam Pengajaran Bahasa.Pelita Bahasa*. Jilid 34. Bil. 2 Hlm 16-17
- Nathesan. S. (2011). *Leksikon: Kosa Kata Bahasa*. Dewan Bahasa, 11(8).
- Nation, P. (2001). *Learning Vocabulary in another Language*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Norhashimah Jalaludin. 2003. *Leksikologi Dan Leksikografi: Satu Pengenalan.Laporan Sebatikal Institut Alam Dan Tamadun Melayu*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- O'Malley, J. M., & Chamot, A. U. (1990). *Learning strategies in second language acquisition*. Cambridge, UK: Cambridge University Press.
- Rosni Samah, Mohd Fauzi Abdul Hamid, Shaferul Hafes Sha'ari, Amizan HelmiMohamad. 2013. Aktiviti Pengajaran Kemahiran Bertutur Bahasa Arab Dalam Kalangan Jurulatih Debat. *GEMA Online® Journal Of Language Studies* 99Volume 13(2), May 2013.
- Rosni Bin Samah. 2010. *Pendekatan Pengajaran Kosa Kata Bahasa Arab Di PeringkatMenengah Rendah : Kajian Kepada Guru Bahasa Arab Di Sekolah*

- MenengahKebangsaan Agama Kuala Lumpur (Smkakl). Fakulti Pengajian BahasaUtama,Universiti Sains Islam Malaysia Nilai
- Tomaszczyk, J. (1987). FL Learner's communication failure: implications for pedagogical lexicography. Cowie, AP (ed.), 136-145.
- Uraidah Abdul Wahab, Mat Taib Pa, Lily Hanefarezan Saiz Kosa Kata dan Pengetahuan Kolokasi Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Sijil Tinggi Agama Malaysia (2020) Issues in Language Studies (Vol 10 No 1, 2021)
- Zaini, A. R., & Abd. Rahman, M. Z. (2017). Saiz kosa kata Bahasa Arab dan hubungannya dengan kemahiran bertutur. Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah, 4(1), 220-228
- Zunita Maskor & Harun Baharudin (2020). Pengetahuan Kosa Kata Arab dalam Kemahiran Menulis.